

**PENGALAMAN LATIHAN PRAKTIKUM DAN IMPLIKASINYA
TERHADAP KECEKAPAN GURU NOVIS**

***PRACTICAL TRAINING EXPERIENCE AND ITS IMPLICATIONS
FOR NOVICE TEACHER COMPETENCY***

MUHAMMAD SHUKRI ABDUL HALIM & MOHAMMAD TAUFIQ ABDUL GHANI¹

¹ Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris,
35900 Tanjong Malim, Perak, MALAYSIA.

Email: shukryzh@gmail.com; taufiq@fbk.upsi.edu.my

*Corresponding Author: taufiq@fbk.upsi.edu.my

Received Date: 15 March 2024 • Accepted Date: 15 April 2024 • Published Date: 3 May 2025

Abstrak

Latihan praktikum merupakan komponen penting dalam program latihan perguruan, di mana ia menyediakan peluang kepada guru pelatih untuk mengeksplorasi realiti dunia pendidikan. Kajian ini bertujuan meneroka pengalaman guru novis semasa menjalani praktikum dan menganalisis impaknya terhadap kecekapan mereka sebagai seorang guru. Reka bentuk yang digunakan oleh penyelidik dalam melaksanakan kajian ini adalah reka bentuk kajian kes, di mana data diperolehi melalui sesi temu bual separa berstruktur melibatkan 10 orang guru novis yang dipilih menggunakan kaedah pensampelan bertujuan. Analisis tematik dengan menggunakan perisian ATLAS.ti menunjukkan bahawa guru novis menghadapi pelbagai cabaran ketika menjalani latihan praktikum seperti pengurusan kelas, perancangan pengajaran dan penyesuaian teori kepada amali. Sebagai respons kepada cabaran yang dihadapi ini, guru novis mengambil pelbagai langkah proaktif, termasuk mendapatkan bimbingan daripada guru pembimbing, menyesuaikan strategi pengajaran serta meningkatkan kecekapan dalam pengurusan masa. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pengalaman praktikum membantu meningkatkan kecekapan profesionalisme guru seperti kemahiran pedagogi, pengurusan emosi, penggunaan teknologi dan refleksi sendiri, sekaligus memainkan peranan dalam membentuk identiti profesional guru novis. Kajian ini memberikan panduan kepada institusi pendidikan untuk meningkatkan keberkesanan program praktikum dalam latihan guru. Di samping itu, kajian lanjut turut disarankan untuk dijalankan dengan menggunakan pendekatan longitudinal bagi menilai impak jangka panjang latihan praktikum terhadap kecekapan guru.

Kata Kunci: Guru novis, latihan praktikum, kecekapan guru, profesionalisme pendidikan

Abstract

The practicum is an essential component of teacher training programs, providing teacher trainees with the opportunity to explore the realities of the education world. This study aims to explore the experiences of novice teachers during their practicum and analyze its impact on their competence as educators. The research design employed by the researcher is a case study design, where data was collected through semi-structured interviews involving 10 novice teachers selected using purposive sampling. Thematic analysis using ATLAS.ti software shows that novice teachers face various challenges during their practicum, such as classroom management, lesson planning, and adapting theory to practice. In response to these challenges, novice teachers took proactive steps, including seeking guidance from mentor teachers, adjusting teaching strategies, and improving time management skills. The study's findings indicate that the practicum experience helps enhance professional competence in areas such as pedagogical skills, emotional management, use of technology, and self-reflection, playing a significant role in shaping the professional identity of novice teachers. This study provides guidelines for educational institutions to improve the effectiveness of practicum programs in teacher training. Furthermore, further studies are recommended using a longitudinal approach to assess the long-term impact of the practicum on teacher competence.

Keyword: Novice teachers, practicum training, teacher competence, educational professionalism.



This is an open-access article under the CC-BY 4.0 license

Cite as: Muhammad Shukri Abdul Halim & Mohammad Taufiq Abdul Ghani. 2025. Pengalaman Latihan Praktikum dan Implikasinya Terhadap Kecekapan Guru Novis [Practical Training Experience and its Implications for Novice Teacher Competency]. *Malaysian Journal For Islamic Studies* 9(1): 88-109.

PENGENALAN

Latihan praktikum merupakan komponen penting dalam program latihan perguruan. Ia menyediakan peluang kepada guru pelatih untuk mengaplikasikan teori yang dipelajari di kuliah ke dalam amali. Sebagai platform asas untuk membentuk kecekapan pedagogi, latihan ini memberi peluang kepada guru pelatih untuk memahami realiti profesion keguruan (Omar & Ahmad, 2020). Dalam konteks guru novis, pengalaman praktikum sering kali menjadi titik tolak yang kritikal dalam perjalanan profesional mereka. Ia bukan sahaja memperkenalkan mereka kepada cabaran dunia pendidikan sebenar, tetapi juga membantu mereka mengasah kemahiran asas sebagai seorang pendidik seperti pengurusan bilik darjah, komunikasi dengan pelajar dan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang efektif (KPM, 2021).

Namun, pengalaman praktikum ini tidak seragam bagi semua guru novis. Pelbagai faktor seperti tahap sokongan guru pembimbing, budaya sekolah, persekitaran bilik darjah dan geografi sesebuah sekolah mempengaruhi kualiti pengalaman yang mereka peroleh (Lynch & Cicchetti, 2022; Marjonet et al, 2020). Sebagai contoh, guru yang menerima bimbingan guru pembimbing yang berkesan cenderung menunjukkan peningkatan kecekapan mengajar yang

lebih signifikan berbanding mereka yang kurang mendapat sokongan. Selain itu, konteks sekolah yang positif juga dapat menyokong perkembangan profesional guru novis. Sebaliknya, kekangan sumber seperti kekurangan bahan bantu mengajar (BBM) dan kemudahan teknologi serta masalah disiplin pelajar boleh menjadi penghalang kepada pertumbuhan mereka sebagai seorang pendidik.

Kajian ini bertujuan untuk meneroka pengalaman guru novis semasa menjalani latihan praktikum serta menganalisis bagaimana pengalaman tersebut mempengaruhi kecekapan mereka sebagai seorang guru. Dengan memahami cabaran dan peluang yang dihadapi oleh guru novis, dapatan kajian ini diharapkan dapat menyumbang kepada penambahbaikan program latihan perguruan dan menyokong pembangunan profesional guru secara menyeluruh.

LATAR BELAKANG KAJIAN

Latihan praktikum sering dianggap sebagai tempoh kritikal dan penting bagi guru novis untuk menguasai kemahiran asas dalam pengajaran mereka. Hal ini kerana, ia menyediakan platform bagi guru untuk mempraktikkan teori yang dipelajari dalam situasi sebenar di bilik darjah. Selain itu, ia berperanan dalam mengembangkan identiti profesional mereka melalui pengalaman praktikal dan bimbingan, sekaligus berfungsi sebagai tempat ujian untuk kemahiran dan penyesuaian mereka dalam persekitaran bilik darjah sebenar (Omar & Ahmad, 2020; Setlhako, 2019). Oleh itu, latihan praktikum merupakan elemen penting dalam memastikan guru novis bersedia sepenuhnya untuk menghadapi cabaran profesion keguruan dan melaksanakan tugas dengan lebih yakin serta berkesan.

Namun yang demikian, beberapa kajian mendapati bahawa guru novis sering berhadapan dengan pelbagai cabaran seperti aspek pengurusan bilik darjah, membina hubungan dengan pelajar, dan memahami keperluan pembelajaran pelajar secara individu. Ramai guru baru melaporkan kesukaran dalam mengawal suasana kelas dan tingkah laku pelajar, yang boleh menyebabkan mereka berasa lebih tertekan dan menganggap pengajaran mereka kurang berkesan (Ameen et al., 2024; Marjonet et al., 2020). Hal ini menunjukkan bahawa cabaran pengurusan kelas adalah antara isu utama yang perlu ditangani oleh guru novis, kerana ia memberi kesan langsung kepada keberkesanan pengajaran dan kesejahteraan emosi mereka. Jika tidak diatasi dengan baik, masalah ini boleh menghalang perkembangan profesional guru dan mempengaruhi motivasi mereka dalam menjalankan tugas.

Selain itu, kaedah pengajaran guru novis juga merupakan faktor yang penting menjadikan ia sebagai salah satu cabaran dalam mencapai keberkesanan mengajar. Melekhina dan Ivleva (2020), menyatakan bahawa guru baru sering berhadapan dengan masalah merancang rancangan pengajaran harian (RPH) yang berkesan dan mengintegrasikan teknologi ke dalam amalan pengajaran mereka. Kesukaran ini mungkin berpunca daripada kurangnya pengalaman dalam merancang pengajaran yang sesuai dengan keperluan pelajar, serta ketidakyakinan dalam menggunakan teknologi secara efektif. Oleh itu, sokongan dan latihan yang mencukupi amat penting untuk membantu guru novis mengatasi cabaran ini dan meningkatkan keberkesanan pengajaran mereka.

Di samping itu, pengambilan guru baharu yang tiada latar belakang dalam bidang pendidikan adalah faktor utama mengapa guru novis sering menghadapi masalah yang pelbagai. Kajian mendapati bahawa guru novis yang tidak mempunyai profesionalisme pendidikan sering

mengalami cabaran yang signifikan secara statistik berbanding rakan mereka yang berlatar belakang bidang pendidikan (Pozo-Rico e tal., 2023; Kreпкаia et al., 2020). Hal ini kerana, kekurangan pengetahuan teori pendidikan dan pengalaman praktikal dalam pengajaran menyebabkan mereka kurang bersedia untuk menghadapi cabaran dalam bilik darjah, seperti pengurusan kelas, hubungan dengan pelajar, dan perancangan pengajaran yang berkesan. Oleh itu, sokongan yang lebih baik dan latihan yang berterusan amat diperlukan untuk membantu mereka mengatasi kesukaran ini dan meningkatkan keberkesanan pengajaran mereka.

Kesimpulannya, latihan praktikum memainkan peranan penting dalam membentuk kecekapan mengajar dan identiti profesional guru novis. Ia memberi peluang kepada guru pelatih untuk mengaplikasikan teori dalam situasi sebenar sebelum menceburi profesion keguruan. Walaupun sokongan guru pembimbing dan persekitaran sekolah itu penting, cabaran seperti pengurusan kelas dan penyediaan pelajaran yang sesuai masih perlu ditangani. Kajian menunjukkan bahawa pengalaman praktikum secara signifikan mempengaruhi perkembangan identiti profesional dalam diri seorang guru (Hagan, 2022; Pristiarawati & Suyatno, 2021; Dutta e tal., 2014). Oleh itu, pengalaman praktikum yang baik membantu guru novis membina kemahiran, keyakinan, dan jati diri sebagai pendidik yang kompeten.

OBJEKTIF KAJIAN

Berikut adalah objektif kajian yang telah digariskan oleh penyelidik:

1. Mengetahui cabaran yang dihadapi oleh guru novis sepanjang menjalankan latihan praktikum.
2. Menganalisis langkah yang diambil oleh guru novis dalam menangani cabaran semasa latihan praktikum.
3. Menkaji bagaimana pengalaman praktikum guru novis mempengaruhi kecekapan mereka sebagai seorang guru.

METODOLOGI KAJIAN

Reka bentuk kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kes, bertujuan untuk meneroka pengalaman guru novis semasa menjalani latihan praktikum dan bagaimana pengalaman tersebut memberi implikasi kepada kecekapan mereka sebagai seorang guru novis. Kajian kes dipilih kerana ia membolehkan penyelidik mendalami pengalaman unik individu atau kumpulan kecil dalam konteks tertentu, yang mana memberi tumpuan kepada dimensi pengalaman dan perspektif mereka secara menyeluruh merangkumi aspek cabaran, strategi dan faktor yang mempengaruhi kecekapan mereka sebagai seorang guru. Reka bentuk ini juga membolehkan pemahaman mendalam tentang isu-isu kompleks dalam konteks dunia sebenar, seperti cabaran dan strategi guru novis semasa menjalani latihan praktikum.

Sampel kajian

Kajian ini melibatkan 10 orang guru novis yang dipilih menggunakan kaedah pensampelan bertujuan dengan mengambil kira kriteria berikut:

1. Guru-guru yang telah menjalani latihan praktikum di universiti.
2. Guru-guru yang telah berkhidmat dalam tempoh 1 ke 3 tahun di sekolah.
3. Guru-guru dari pelbagai lokasi sekolah.
4. Guru-guru dari pelbagai jenis sekolah.

Strategi ini memastikan data yang dikumpulkan mencerminkan kepelbagaian konteks dan pengalaman guru novis, sekaligus membolehkan dapatan kajian yang lebih terperinci dan komprehensif.

Instrumen kajian

Data dikumpulkan melalui temu bual separa berstruktur, di mana peserta diberikan peluang untuk berkongsi pengalaman mereka secara mendalam tetapi dalam rangka topik yang telah ditetapkan. Temu bual ini merangkumi soalan-soalan yang menyentuh cabaran yang dihadapi semasa latihan praktikum, sokongan yang diterima, strategi yang digunakan, dan impak pengalaman tersebut terhadap kecekapan mereka sebagai guru novis. Temu bual direkodkan dengan kebenaran peserta untuk memastikan ketepatan dalam analisis data.

Kaedah analisis data

Data dianalisis menggunakan pendekatan tematik dengan bantuan perisian ATLAS.ti. Proses analisis bermula dengan transkripsi data daripada rakaman temu bual untuk mendapatkan teks mentah. Penyelidik kemudiannya membaca transkripsi berulang kali untuk mengenal pasti pola atau tema utama yang muncul daripada naratif peserta. Kod awal dibangunkan berdasarkan pernyataan yang relevan, yang seterusnya akan disusun kepada tema yang lebih luas dan bermakna untuk diinterpretasikan dalam konteks teori yang relevan.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN***Demografi peserta kajian***

Jadual 1 menunjukkan dapatan kajian berkaitan demografi peserta kajian:

Jadual 1 Demografi Peserta Kajian

Peserta Kajian	Tempoh Praktikum (Fasa)	Jenis Sekolah Praktikum (Lokasi)	Jenis Sekolah Berkhidmat (Lokasi)	Tahun Berkhidmat
PK1	6 bulan (2 fasa)	Sekolah Kebangsaan (Luar Bandar), Sekolah Rendah Agama (Bandar)	Sekolah Rendah Agama (Bandar)	2
PK2	3 bulan (1 fasa)	Sekolah Kebangsaan (Bandar)	Sekolah Rendah Agama (Bandar)	2
PK3	3 bulan (1 fasa)	Sekolah Kebangsaan (Bandar)	Sekolah Rendah Agama (Bandar)	2
PK4	5 bulan (1 fasa)	Sekolah Menengah Agama (Luar Bandar)	Sekolah Menengah Kebangsaan (Bandar)	1
PK5	6 bulan (2 fasa)	Sekolah Kebangsaan (Luar Bandar)	Sekolah Kebangsaan (Bandar)	1
PK6	6 bulan (2 fasa)	Sekolah Kebangsaan (Luar Bandar), Sekolah Kebangsaan (Bandar)	Sekolah Kebangsaan (Bandar)	3
PK7	6 bulan (2 fasa)	Sekolah Kebangsaan (Bandar), Sekolah Menengah Kebangsaan (Bandar)	Sekolah Menengah Kebangsaan (Bandar)	1
PK8	3 bulan (1 fasa)	Sekolah Kebangsaan (Bandar)	Sekolah Kebangsaan (Luar Bandar)	2
PK9	6 bulan (2 fasa)	Sekolah Kebangsaan (Luar Bandar), Sekolah Rendah Agama (Bandar)	Sekolah Rendah Agama (Bandar)	3
PK10	3 bulan (1 fasa)	Sekolah Kebangsaan (Bandar)	Sekolah Menengah Kebangsaan (Bandar)	1

Berdasarkan jadual 1, terdapat seramai 10 orang guru novis terlibat dalam kajian ini dengan tempoh praktikum yang berbeza-beza, iaitu antara 3 hingga 6 bulan. Sebilangan besar peserta menjalani latihan praktikum dalam dua fasa di sekolah dengan lokasi dan jenis yang pelbagai, termasuk sekolah bandar dan luar bandar. Selain itu, kebanyakan peserta kini

berkhidmat di sekolah bandar, mencerminkan peralihan lokasi dari latihan praktikum ke penempatan kerja tetap mereka sekarang.

Cabaran yang dihadapi semasa latihan praktikum

Berdasarkan temubual dan analisis tematik yang telah dijalankan, beberapa cabaran utama yang dihadapi oleh guru novis semasa menjalani latihan praktikum di sekolah dapat dikenal pasti. Cabaran-cabaran ini merangkumi aspek pengurusan pengajaran, pengurusan masa, cabaran kewangan serta cabaran sosial dan persekitaran yang mempengaruhi kemajuan mereka dalam profesion keguruan.

Salah satu cabaran utama yang dihadapi oleh guru pelatih ialah ketidaksediaan mereka untuk menjalani latihan praktikum. Ramai dalam kalangan guru pelatih melaporkan perasaan gugup dan kekurangan persediaan, terutamanya apabila pertama kali melangkah ke persekitaran sekolah yang sebenar. Hal ini digambarkan dengan jelas melalui kenyataan berikut:

“Waktu *first time* masuk tu, saya akui saya datang ke sekolah dalam keadaan kosong.” (PK1)

“Pada mulanya, saya rasa agak gugup kerana ini adalah kali pertama saya mengajar secara formal.” (PK8)

Cabaran ini menunjukkan bahawa ketidaksediaan dari segi pengetahuan praktikal dan keyakinan diri boleh menyebabkan guru pelatih berasa tidak yakin dan bingung dalam menghadapi realiti sebenar apabila menjejak kaki ke sekolah. Keadaan ini bukan sahaja memberi kesan kepada keupayaan mereka untuk mengendalikan bilik darjah, tetapi juga mempengaruhi pembangunan awal identiti profesional sebagai seorang guru.

Selain itu, guru pelatih juga sering menghadapi cabaran dalam menyesuaikan teori yang dipelajari di institusi latihan dengan realiti pengajaran sebenar di sekolah. Walaupun mereka telah dilatih dalam teori-teori pendidikan, pengalaman sebenar di bilik darjah sering kali menguji pemahaman mereka dan memerlukan mereka untuk mengadaptasi ilmu yang diperolehi. Hal ini diakui oleh beberapa peserta kajian:

“Apa yang dipelajari di kelas bersama pensyarah sangat berbeza dengan situasi sebenar di sekolah.” (PK1)

“Berbeza dengan kita duduk dalam IPG, kita belajar teori sahaja. Lain dengan kita belajar dan amali.” (PK6)

Situasi ini menggambarkan kewujudan jurang yang ketara antara teori dan amali dalam pendidikan guru, telah menyukarkan guru pelatih untuk mengaplikasikan konsep dan strategi pengajaran yang dipelajari ke dalam konteks sebenar bilik darjah. Jurang ini boleh menyebabkan rasa kekok, kurang yakin dan kegagalan dalam melaksanakan pengajaran.

Di samping itu, pengurusan sesi PdP merupakan salah satu cabaran utama yang dihadapi oleh guru pelatih, terutamanya bagi memastikan pengajaran dapat menarik perhatian pelajar. Kesukaran ini lebih ketara dalam sesi pembelajaran atas talian, di mana pelajar sering kurang

fokus dan cenderung untuk tidak memberi perhatian sepenuhnya. Keadaan ini secara tidak langsung memberi kesan terhadap keyakinan diri guru pelatih, seperti yang diungkapkan oleh peserta kajian:

“Murid kurang beri perhatian dalam kelas,” (PK1)

“Saya amat risau takut saya syok sendiri.” (PK4)

Cabaran ini menunjukkan betapa pentingnya kemahiran pengurusan sesi PdP untuk memastikan pengajaran dapat berjalan dengan lancar dan mencapai objektif pembelajaran yang ditetapkan. Kegagalan dalam mengatasi cabaran ini, guru pelatih berdepan dengan perasaan kurang keyakinan dan kebimbangan terhadap keberkesanan pengajaran mereka. Secara tidak langsung, ia menjejaskan perkembangan profesional guru pelatih dalam jangka panjang.

Di samping itu, kepelbagaian tahap kognitif juga mempengaruhi pengurusan sesi PdP seorang guru. Guru pelatih sering menghadapi cabaran dalam mengajar pelajar dengan tahap kognitif yang berbeza-beza, seperti yang dinyatakan oleh peserta-peserta kajian tersebut:

“...saya jadi susah mengajar, sebab ada pelajar yang cepat faham, ada pelajar yang lemah.” (PK6)

“Saya jadi tercabar sebab saya ajar kelas yang ketara perbezaannya iaitu kelas depan dan kelas belakang. Kelas depan lebih mudah dikawal dengan teknik yang sederhana, manakala kelas belakang memerlukan teknik yang lebih menyeronokkan untuk menarik perhatian mereka.” (PK2)

Cabaran ini menunjukkan bahawa guru pelatih perlu menyesuaikan pendekatan pengajaran yang lebih fleksibel dan disesuaikan dengan keperluan pelajar yang mempunyai tahap pemahaman yang berbeza. Kekurangan pengalaman dalam menangani perbezaan tahap kognitif ini memberi kesan terhadap keberkesanan pengajaran dan prestasi keseluruhan kelas.

Selain masalah dalam PdP, pengurusan tingkah laku pelajar juga merupakan salah satu cabaran terbesar yang dihadapi oleh guru pelatih, yang bukan sahaja memberi kesan terhadap keberkesanan pengajaran, tetapi juga kepada emosi dan kesejahteraan mereka. Kesukaran ini sering kali muncul dalam situasi tertentu khususnya selepas waktu rehat, seperti yang diluahkan oleh peserta kajian:

“...cabarannya bermula selepas waktu rehat, hanya Allah yang tahu.” (PK1)

“Terdapat beberapa pelajar yang lebih sukar untuk dikawal dan memberi perhatian, dan ini memberi saya tekanan dalam menguruskan kelas” (PK10)

Akibatnya, guru pelatih terpaksa berhadapan dengan perasaan *stres* yang tinggi, yang boleh menjejaskan keyakinan diri dan mempengaruhi keseimbangan emosi mereka. Ketidakmampuan untuk mengawal tingkah laku pelajar boleh mengganggu suasana pembelajaran serta menyebabkan mereka tidak fokus dalam mengajar.

Seterusnya, guru pelatih juga tidak akan lari dengan cabaran pengurusan masa. Dengan pelbagai tugas yang perlu dilaksanakan dalam tempoh yang terhad, mereka sering kali menghadapi kesulitan dalam menyeimbangkan tugas-tugas yang diberikan. Beban kerja yang banyak ini sering mengganggu kemampuan mereka untuk mengatur masa dengan cekap, sebagaimana yang dinyatakan berikut:

“Agak sulit untuk membahagikan masa supaya semua tugas dapat disiapkan.”
(PK2)

“Cabaran utama yang saya hadapi adalah menguruskan masa antara penyediaan bahan pengajaran, menyiapkan RPH dan menghadiri kelas.” (PK8)

Kedua-dua kenyataan ini menunjukkan bahawa beban kerja yang berlebihan, memberi kesan negatif terhadap kemampuan guru pelatih untuk memberikan pengajaran yang berkualiti. Tambahan pula, cabaran ini berpotensi menjejaskan perkembangan profesional mereka dalam pengukuhan kemahiran pengajaran dan pengurusan kelas.

Dalam pada itu, isu kewangan adalah satu lagi cabaran besar yang dihadapi oleh guru pelatih, terutamanya bagi mereka yang tidak menerima elaun atau bantuan kewangan lain. Kekurangan sumber kewangan ini memberi kesan langsung kepada mereka untuk menyediakan alat bantu mengajar (ABM) yang berkualiti dan menarik bagi sesi pengajaran akan datang. Hal ini seperti yang diluahkan oleh seorang peserta kajian tersebut:

“Sebagai guru praktikal yang tidak menerima elaun, saya berdepan cabaran untuk menyediakan ABM yang menarik.” (PK2)

Cabaran kewangan ini memaksa guru pelatih untuk mengimbangi tuntutan pengajaran yang intensif dengan kesulitan ekonomi yang dihadapi. Selain itu, ia juga mempengaruhi kreativiti mereka dalam menyediakan bahan pengajaran yang efektif. Dalam jangka masa panjang, tekanan sebegini boleh menjejaskan motivasi dan keyakinan mereka untuk terus cemerlang dalam bidang pendidikan. Ini membuktikan betapa pentingnya sokongan kewangan dalam menjamin kelancaran proses PdP, sekaligus meningkatkan keberkesanan latihan praktikum itu sendiri.

Cabaran seterusnya adalah kesukaran menguruskan program. Beberapa guru pelatih mengajukan permasalahan dalam menguruskan program-program sekolah, terutamanya apabila diminta untuk mengambil alih tanggungjawab dalam program-program tertentu. Sebagai contoh, seperti yang dinyatakan oleh salah seorang peserta kajian:

“Sebab kita *first time* masuk, kita tak tahulah macam mana nak *handle* program. Kadang-kadang pentadbir suruh kita *handle* program perkhemahan, buat projek inovasi. Kita mungkin pernah belajar, tapi kita nak *apply* tu tak pernah lagi.”
(PK6)

Cabaran ini menggambarkan kekurangan pengalaman guru pelatih dalam menguruskan program berskala besar, boleh memberi tekanan kepada mereka, terutamanya dalam

memastikan kelancaran dan kejayaan pelaksanaan program tersebut. Tambahan lagi, ianya melibatkan koordinasi antara pelbagai pihak serta perancangan dan pelaksanaan yang memerlukan perhatian yang teliti.

Selain itu, guru pelatih juga menghadapi cabaran dalam beradaptasi dengan budaya dan persekitaran sekolah yang tidak kondusif, sebagaimana yang dialami oleh peserta kajian tersebut:

“Mereka ini memang berasingan, bukan saja bilik guru, malah bila buat program pun, masing-masing tak nak campur.” (PK1)

Kenyataan ini menunjukkan bahawa wujudnya jurang sosial antara guru-guru dan kekurangan kerjasama dalam kalangan staf sekolah. Keadaan ini boleh memberi kesan negatif terhadap pengalaman praktikum guru pelatih, kerana mereka mungkin berasa terasing dan kurang mendapat sokongan dari rakan sekerja atau pentadbir.

Tanpa hubungan yang erat dan kerjasama yang baik, guru pelatih sukar untuk mendapatkan bimbingan atau nasihat yang diperlukan untuk memperbaiki kemahiran pengajaran mereka, sekaligus menjadikan mereka lebih sukar untuk beradaptasi dan memberi impak terhadap perkembangan profesional mereka. Hal ini berkait rapat dengan cabaran dalam membina hubungan sosial dan kerjasama dengan rakan sekerja, sebagaimana yang dialami oleh peserta kajian tersebut:

“Cabarannya adalah macam mana kita nak bekerjasama dengan cikgu-cikgu kat sekolah.” (PK6)

Kekurangan komunikasi yang lancar dan sokongan dari rakan sekerja boleh menambah tekanan kepada guru pelatih, terutama ketika mereka masih dalam proses menyesuaikan diri dengan budaya dan etika kerja di sekolah. Ketidakmampuan untuk menjalin hubungan yang baik dengan rakan sekerja dapat menjejaskan perkembangan profesional mereka kerana sokongan sosial dan kolaborasi adalah aspek penting dalam proses PdP khususnya bagi mereka yang baru berusaha untuk beradaptasi dengan persekitaran sekolah dan budaya kerja yang berbeza.

Akhir sekali, guru pelatih turut menghadapi cabaran dalam mengekalkan motivasi diri mereka sepanjang latihan praktikum. Hal ini dipengaruhi oleh beban tugas serta tekanan sosial, sebagaimana yang dinyatakan oleh peserta kajian berikut:

“Cabaran lain adalah memastikan saya mengikut jadual yang ketat untuk setiap sesi pengajaran, yang kadangkala menghalang saya daripada memberi penekanan yang mencukupi...” (PK9)

“...saya juga perlu menyeimbangkan antara tuntutan pengajaran dan tugas-tugas pentadbiran yang perlu diselesaikan. Sebagai seorang guru perempuan, saya kadang-kadang merasakan tekanan untuk membuktikan keupayaan saya dalam bidang yang didominasi oleh guru lelaki. (PK10)

Kenyataan ini menggambarkan bagaimana beban kerja yang tinggi dan tekanan sosial bukan sahaja menjejaskan motivasi diri guru pelatih, tetapi juga memberi impak kepada kualiti pengajaran mereka. Motivasi yang rendah boleh menyebabkan kesukaran dalam memberi perhatian yang lebih kepada aspek pengajaran, manakala tekanan sosial pula berpotensi untuk menjejaskan kesejahteraan mental mereka sepanjang tempoh latihan praktikum.

Secara keseluruhan, cabaran-cabaran yang dihadapi oleh guru pelatih semasa menjalani latihan praktikum bukan sahaja membantutkan perkembangan profesional mereka, tetapi juga menjejaskan motivasi, keyakinan diri dan kesejahteraan emosi mereka. Keberkesanan pengajaran dan pengurusan kelas turut terjejas apabila guru pelatih terpaksa menghadapi pelbagai tekanan dari segi tugas, kewangan mahupun hubungan sosial di tempat kerja. Oleh itu, sokongan yang lebih berterusan daripada institusi latihan, sekolah, dan rakan sekerja adalah amat penting bagi memastikan guru pelatih dapat mengatasi cabaran ini dan berkembang menjadi pendidik yang kompeten dan berkeyakinan.

Langkah menangani cabaran semasa latihan praktikum

Dalam kajian ini, penyelidik telah mengenal pasti beberapa langkah yang diambil oleh guru-guru novis untuk menangani cabaran semasa menjalani latihan praktikum di sekolah. Langkah-langkah ini merangkumi pelbagai aspek termasuk pengurusan kelas, strategi pengajaran serta cara mengatasi tekanan daripada tugas-tugas pentadbiran di sekolah.

Langkah pertama yang diambil oleh guru pelatih adalah bersikap positif dan *adaptif* terhadap situasi yang dihadapi. Sebagai contoh, yang dinyatakan oleh peserta kajian:

“Jadi setiap kali ada program atau mesyuarat, saya angkat tangan nak sukarela. Guru besar tanya siapa nak, saya terus bagi nama” (PK1)

“Saya juga mengambil peluang untuk sentiasa mengikuti guru pembimbing dalam menjalankan aktiviti bersama murid-murid bagi melihat sendiri bagaimana beliau mengendalikan bilik darjah serta aktiviti luar bilik darjah.” (PK3)

Keterlibatan yang aktif ini, dapat meningkatkan pemahaman guru-guru terhadap tugas-tugas di luar pengajaran. Dengan mencontohi tingkah laku dan aktiviti guru pembimbing, ia membantu guru pelatih untuk menyesuaikan diri dengan persekitaran sekolah serta memperkembangkan kemahiran pengajaran mereka.

Langkah yang seterusnya adalah mengoptimumkan bimbingan dan nasihat guru-guru berpengalaman, guru pembimbing serta rakan-rakan dalam menangani cabaran-cabaran praktikum, sebagaimana yang dilakukan oleh peserta-peserta kajian tersebut:

“...melalui sembang dengan cikgu-cikgu tu, kita boleh belajar daripada dia, ambil pengalaman dia orang. Yang baik kita ambil, yang buruk kita buanglah.” (PK6)

“Saya juga berbincang dengan guru pembimbing dan rakan-rakan sesama pelatih untuk mendapatkan nasihat dan sokongan” (PK10)

Ini membuktikan bahawa kebergantungan kepada pengalaman orang lain membantu memperbaiki kemahiran profesionalisme seorang guru. Dalam mendapatkan sokongan moral dan nasihat yang berguna, perbincangan bersama guru-guru dan rakan-rakan guru pelatih adalah pendekatan yang efisien dan boleh diambil oleh guru pelatih.

Selain itu, memperbanyakkan pembacaan juga merupakan langkah terbaik dalam menangani cabaran semasa menjalani latihan praktikum, sepertimana yang dilakukan oleh peserta kajian tersebut:

“Tambah bacaan pun penting. Sekarang dunia di hujung jari, *search je* di Google. Banyak *tips* kawal kelas, tarik minat murid dan elakkan murid bising.” (PK2)

Ini menunjukkan, di samping mendapatkan nasihat oleh guru-guru, penggunaan teknologi memudahkan guru pelatih untuk mencari penyelesaian yang lebih efektif dalam mengawal kelas, menarik minat pelajar serta menguruskan tingkah laku pelajar dengan lebih baik. Melalui pembacaan yang berterusan, juga guru pelatih dapat mempertingkatkan kemahiran pengajaran mereka dan memperoleh idea-idea baru yang berguna untuk diterapkan dalam pengalaman praktikum mereka.

Dalam menangani masalah tingkah laku pelajar pula, pelbagai pendekatan boleh dilakukan oleh guru pelatih seperti menetapkan peraturan kelas yang jelas, menggunakan pendekatan yang berbeza mengikut situasi, dan sentiasa berkomunikasi dengan tegas dan sabar, sepertimana penjelasan dari peserta-peserta kajian ini:

“...meletakkan batas yang jelas antara guru dan murid...” (PK5)

“Kita kena tegas, tak boleh gelak-gelak. Muka tak boleh senyum. Kena garang sikit. Kita kena ada gaya seorang guru. Jalan kena tegak, tak bolehlah bagi muka sikit pun kat dia orang...” (PK6)

Pendekatan-pendekatan ini menunjukkan bahawa pentingnya pengurusan tingkah laku yang berkesan dalam memastikan kelancaran dan kejayaan pengajaran serta mencipta persekitaran yang kondusif untuk pembelajaran. Dengan pendekatan-pendekatan yang tepat, guru pelatih dapat menangani cabaran tingkah laku pelajar dan membentuk disiplin yang lebih baik dalam kalangan mereka.

Selain itu, strategi peneguhan positif juga boleh digunakan oleh guru pelatih untuk meningkatkan motivasi pelajar sama ada dalam pengurusan sesi PdP, mahupun tingkah laku pelajar. Strategi ini, seperti yang dipraktikkan oleh salah seorang peserta kajian berikut:

“... sesiapa yang masuk kelas selepas dibenarkan kembali ke sekolah selepas PKP nanti akan menerima hadiah daripada saya. Alhamdulillah, selepas melakukan perkara tersebut, ramai yang mula hadir ke kelas.” (PK4)

Langkah ini menunjukkan bahawa peneguhan berbentuk ganjaran adalah pendekatan yang baik kerana ia mempengaruhi motivasi pelajar untuk semangat belajar. Dalam usaha meningkatkan keberkesanan pengajaran, penerapan peneguhan seperti ini boleh menjadi satu alat yang kuat untuk memperkukuh sikap positif pelajar terhadap pembelajaran.

Dalam usaha meningkatkan keberkesanan pengajaran, penyesuaian kaedah pengajaran selari dengan keperluan dan tahap kognitif pelajar merupakan langkah yang efektif bagi guru. Pendekatan yang lebih personal dan fleksibel ini membantu memastikan pelajar dapat memahami dan menyerap ilmu dengan lebih baik, mengikut tahap kemampuan masing-masing. Sebagai contoh, seperti yang dinyatakan oleh peserta kajian berikut:

“...kita kena guna kaedah pengajaran yang terbeza. Kaedah tersebut akan disesuaikan dengan tahap kognitif pelajar. Maksudnya, pelajar pandai perlu diajar dengan cara tertentu, pelajar sederhana dengan cara lain, dan pelajar lemah dengan cara yang berbeza.” (PK6)

“Untuk mengatasi cabaran berhadapan dengan pelajar yang kurang berminat, saya cuba untuk lebih interaktif dalam pengajaran, menggunakan alat bantu mengajar seperti video dan permainan pendidikan untuk menarik perhatian mereka” (PK7)

Ini menunjukkan bahawa kepekaan terhadap keperluan pelajar serta memperbaiki pendekatan pengajaran adalah dua elemen penting untuk memastikan proses pemerolehan ilmu tercapai. Penggunaan pelbagai kaedah dan bahan pengajaran yang menarik, seperti permainan dan video, dapat membantu mencipta persekitaran pembelajaran yang lebih dinamik dan menjadikan pelajar lebih bermotivasi. Dengan memahami perbezaan tahap kognitif pelajar, guru dapat merancang pengajaran yang lebih tepat dan berkesan, sekaligus meningkatkan hasil pembelajaran. Oleh itu, pengukuhan terhadap strategi persediaan mengajar adalah penting bagi seorang guru. Beberapa peserta kajian berkongsi usaha mereka dalam mempersiapkan pengajaran dengan lebih baik, seperti yang dicadangkan berikut:

“Saya juga cuba untuk lebih fleksibel dalam merancang pengajaran dan memberi ruang untuk adaptasi dalam setiap sesi.” (PK9)

“Dari segi kaedah pengajaran, kita banyak berbincang atau *brainstorming* dengan kawan-kawan macam mana nak buat itu ini, penyediaan BBM, kaedah pengajaran yang terbaik untuk budak-budak.” (PK6)

Usaha-usaha seperti ini berperanan dalam meningkatkan kualiti persediaan mengajar mereka. Dengan memanfaatkan pelbagai sumber dan pendekatan yang lebih praktikal, guru pelatih dapat meningkatkan fleksibiliti mereka dalam menghadapi cabaran pengajaran,

sekaligus memastikan persediaan yang lebih efektif dan menyeluruh yang dapat memberikan impak positif terhadap proses pembelajaran.

Akhir sekali, dalam merancang persediaan mengajar, terdapat elemen yang penting yang harus diutamakan iaitu pengurusan masa. Mengurus masa dengan bijak merupakan langkah penting dalam menangani cabaran semasa latihan praktikum. Berikut adalah beberapa kaedah yang digunakan oleh guru pelatih dalam menguruskan masa mereka di sekolah:

“...saya belajar untuk lebih bijak dalam menguruskan masa dan mengutamakan tugas-tugas yang paling penting terlebih dahulu.” (PK10)

Langkah-langkah seperti ini membantu guru pelatih mengatasi masalah pengurusan masa dan memastikan mereka dapat menjalankan tugas dengan lebih teratur dan efektif. Pengurusan masa yang bijak ini membolehkan mereka memberikan tumpuan kepada tugas yang lebih penting, mengelakkan kelewatan dan menjadikan mereka lebih bersedia dalam menjalankan sesi pengajaran.

Secara keseluruhan, langkah-langkah yang diambil oleh guru-guru novis untuk menangani cabaran semasa latihan praktikum amat penting dalam memastikan keberkesanan pengajaran. Segala usaha yang dicadangkan oleh peserta-peserta kajian ini bukan sahaja membantu mereka mengatasi cabaran praktikum, malah turut meningkatkan kemahiran mereka secara menyeluruh sebagai seorang pendidik.

Impak latihan praktikum terhadap kecekapan guru

Kajian ini mendapati bahawa pengalaman praktikum memainkan peranan penting dalam meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam diri guru pelatih, yang seterusnya memberi impak kepada pembangunan kecekapan mereka sebagai seorang guru novis sekarang. Kecekapan guru ini meliputi aspek menyeluruh seperti kecekapan profesional, kecekapan pengajaran dan pengurusan kelas, kecekapan komunikasi dan hubungan interpersonal, kecekapan pengurusan masa, kecekapan teknologi seta kecekapan penilaian dan refleksi sendiri.

Kecekapan profesional adalah antara dimensi utama yang dibangunkan melalui pengalaman praktikum, di mana ianya merangkumi aspek etika, tanggungjawab dan pengurusan emosi. Dalam pengalaman praktikum, guru pelatih tidak hanya terlibat dalam pengajaran, tetapi juga diberi peluang untuk mengendalikan pelbagai tugas tambahan yang mencabar, seperti memegang portfolio tugas-tugas khas, pengurusan fail dan koordinasi aktiviti kokurikulum. Pengalaman ini membantu mereka memperkukuh kecekapan profesional untuk menghadapi pelbagai cabaran dalam dunia pendidikan. Melalui penglibatan aktif guru pelatih di sekolah, mereka diberi pendedahan lebih mendalam terhadap tugas-tugas yang melibatkan etika dan tanggungjawab. Sebagaimana yang dinyatakan oleh peserta kajian:

"Saya tidak mempunyai pengalaman untuk peperiksaan tersebut, tetapi saya belajar banyak sepanjang tempoh tersebut..." (PK1)

“Kedua, kemahiran pengurusan fail, seperti bagaimana kita nak susun fail kokurikulum, kurikulum, dan sebagainya. Kita juga akan belajar cara untuk menguruskan program. Sebagai contoh, saya terlibat dalam mengendalikan program perkhemahan. Kita perlu tahu bagaimana untuk merancang perkhemahan, menyediakan kertas kerja...” (PK6)

Pengalaman ini membuktikan bahawa guru pelatih semakin menyedari kepentingan etika dan tanggungjawab dalam profesion keguruan. Cabaran baharu yang mereka hadapi ini, memperkukuh kecekapan profesional mereka. Selain etika dan tanggungjawab, pengurusan emosi merupakan elemen penting dalam kecekapan profesional sebagai seorang guru. Sebagai seorang guru, sudah semestinya berhadapan dengan pelajar yang mempunyai pelbagai tingkah laku. Pengurusan emosi yang cekap akan membantu guru pelatih menangani permasalahan yang dihadapi dengan cara memberi tindak balas yang rasional dan profesional tanpa bertindak berdasarkan emosi. Selain itu, kemahiran dalam bersabar turut berkait rapat dengan pengurusan emosi ini. Hal ini kerana, ianya mendorong guru pelatih untuk bertindak tenang dan bijaksana apabila berhadapan dengan situasi yang sukar, sebagaimana yang dinyatakan oleh peserta-peserta kajian tersebut:

“...bila kita masuk kelas, kita nampak budak-budak, waktu tu kita tahu macam mana kita nak *handle*. Kalau dia bising, buat perangai, kita kena buat macam mana? Macam mana tindak balas kita? Ataupun adakah kita kena pukul dia? Ha, tak boleh macam tu.” (PK6)

Pengalaman ini menunjukkan bahawa kombinasi elemen pengurusan emosi yang baik dan kemahiran dalam bersabar, membantu guru pelatih menangani pelbagai situasi dalam kelas dengan lebih tenang dan efektif, sekaligus mengekalkan suasana pembelajaran yang positif. Kedua-duanya penting dalam membentuk profesionalisme guru dan meningkatkan keberkesanan proses PdP.

Pengalaman praktikum juga memberi impak besar dalam meningkatkan kecekapan guru pelatih dalam pengajaran dan pengurusan kelas. Kecekapan ini merangkumi pelbagai aspek penting seperti kawalan kelas, pengajaran yang berkesan serta perancangan dan penyediaan bahan pengajaran. Setiap aspek ini mempunyai peranan yang saling berkait dalam memastikan suasana pembelajaran yang kondusif dan berkesan.

Bagi aspek kawalan kelas, disiplin dan perhatian pelajar adalah keutamaan yang perlu dicapai terlebih dahulu oleh seorang guru. Melalui pengalaman praktikum, guru pelatih belajar untuk menangani pelbagai cabaran dalam memastikan proses PdP berjalan lancar. Ini menunjukkan betapa pentingnya bagi seorang guru mengawal perhatian pelajar, terutamanya dalam situasi di mana pelajar sering kali mudah terganggu oleh faktor-faktor luaran. Oleh itu, penerapan elemen yang menarik perhatian pelajar adalah *solusi* teknik yang tepat bagi memastikan fokus pelajar terarah kepada pembelajaran. Hal ini seperti yang dinyatakan oleh peserta kajian berikut:

“Ketiga, kemahiran mengawal perhatian murid. Kita tahu murid mempunyai pelbagai perangai. Ada yang datang ke sekolah hanya untuk bermain atau

berjumpa kawan. Mereka tidak nampak tujuan utama, iaitu belajar. Jadi, kita perlu ada kemahiran untuk menarik minat dan perhatian mereka supaya fokus kepada pembelajaran." (PK2)

Selain mengawal perhatian pelajar, pengurusan kelas yang efektif juga mempengaruhi kawalan disiplin pelajar yang baik. Dengan kawalan disiplin yang baik seperti penetapan peraturan dan arahan yang jelas dan tegas, guru dapat mengelakkan gangguan yang boleh menjejaskan proses PdP, sekaligus menjadikan mereka lebih fokus dan menghormati suasana kelas. Hal ini, seperti yang dinyatakan oleh peserta kajian tersebut:

"Kemahiran ini memberi impak yang besar kepada saya sekarang kerana saya dapat menguruskan kelas dengan lebih baik dan berinteraksi dengan pelajar secara lebih efektif." (PK10)

Ini menunjukkan bahawa pengurusan kelas yang berkesan, termasuk penegakan disiplin yang tegas, adalah kunci untuk mencipta persekitaran pembelajaran yang teratur dan produktif. Melalui pengawalan disiplin yang konsisten, guru dapat mengekalkan fokus pelajar dan meningkatkan keberkesanan pengajaran mereka.

Bagi aspek pengajaran pula, pengalaman praktikum memberikan peluang yang signifikan kepada guru pelatih untuk meningkatkan kecekapan mereka dalam melaksanakan pengajaran. Melalui pengalaman ini, mereka menjadi lebih kreatif dalam menggunakan pelbagai kaedah dan bahan bantu mengajar untuk menarik minat pelajar. Sebagai contoh, penggunaan lagu dalam pengajaran bahasa Arab, seperti yang dinyatakan tersebut:

"Saya lebih cenderung mengajar dengan menggunakan lagu untuk subjek bahasa Arab..." (PK1)

Selain itu melalui latihan praktikum ini juga, guru pelatih belajar menyesuaikan pengajaran berdasarkan keperluan dan tahap kefahaman pelajar serta memperbaiki kualiti pengajaran hari demi hari. Ini sebagaimana yang dikongsi oleh peserta kajian berikut:

"Pengalaman praktikum memberi saya peluang untuk memperbaiki kemahiran pengajaran saya secara praktikal." (PK7)

"Pengalaman ini juga mengajar saya tentang pentingnya fleksibiliti dalam pengajaran, kerana tidak semua pelajar belajar dengan cara yang sama." (PK9)

Kecekapan dalam pengajaran yang diperoleh melalui pengalaman praktikum bukan sahaja membolehkan guru pelatih mengendalikan bilik darjah dengan lebih baik, tetapi juga menyediakan mereka untuk menghadapi pelbagai cabaran berkaitan dengan proses PdP, seperti yang dijelaskan berikut:

"...kemahiran yang paling penting adalah kemahiran mengajar. Macam mana kita nak ajar pelajar supaya mereka mudah faham dan dapat tangkap apa yang

diajar. Pelajar tersebut juga boleh mengaplikasikan ilmu itu di rumah dan boleh mengajar pula pelajar-pelajar yang lemah. Itu adalah kemahiran yang paling penting kerana dalam kelas." (PK6)

Dengan memiliki kecekapan ini, guru dapat memberikan pengalaman pembelajaran yang lebih bermakna dan relevan kepada pelajar. Di samping itu, guru juga dapat memastikan mereka mencapai potensi maksimum dalam pembelajaran serta membantu mereka dalam meningkatkan pencapaian akademik serta membentuk pelajar yang mampu membimbing pelajar lain yang memerlukan sokongan pembelajaran.

Seterusnya, bagi aspek penyediaan bahan pengajaran, pengalaman praktikum memberi peluang kepada guru pelatih untuk meningkatkan kecekapan dalam merancang pengajaran dan menyediakan bahan bantu mengajar yang kreatif dan menarik. Kecekapan ini menjadi asas penting dalam memastikan sesi PdP berjalan dengan efektif, di samping ia juga berpotensi dalam meningkatkan keyakinan guru dalam merancang pengajaran. Hasil bimbingan pensyarah, rakan-rakan dan guru pembimbing, mereka didedahkan dengan pelbagai pendekatan yang membolehkan mereka menyusun rancangan pengajaran yang lebih tersusun, relevan dan sesuai dengan keperluan pelajar. Ini sepertimana yang dinyatakan oleh peserta-peserta kajian:

"Saya menjadi lebih yakin dalam merancang pengajaran bila ada idea untuk buat BBM..." (PK9)

"Saya belajar untuk lebih bersedia dan kreatif dalam merancang pengajaran yang menarik." (PK8)

Pengalaman praktikum ini sangat membantu guru pelatih dalam penyediaan bahan pengajaran yang tepat dan efisien untuk pengajaran sebenar. Penggunaan bahan bantu mengajar secara kreatif mendorong guru pelatih dalam menyesuaikan bahan dengan keperluan pelajar serta memastikan aktiviti pembelajaran lebih menarik. Tambahan lagi dalam dunia pendidikan kini, penggunaan teknik dan strategi pengajaran yang fleksibel amat penting untuk menarik minat pelajar dan memastikan mereka terlibat secara aktif dalam pembelajaran. Ini seperti yang diulaskan oleh peserta kajian berikut:

"Saya juga menjadi lebih peka terhadap keperluan pelajar dan berusaha untuk menyediakan pengajaran yang lebih menarik dan bermakna bagi mereka." (PK7).

Pendekatan ini bukan sahaja menjadikan sesi pengajaran lebih menarik tetapi juga memberi peluang kepada guru pelatih untuk berfikir secara kritis dan kreatif dalam menghadapi cabaran pengajaran yang pelbagai. Dengan penerapan pendekatan ini, sekaligus mencipta suasana pembelajaran yang dinamik, bermakna, dan bersesuaian buat pelajar.

Seterusnya, pengalaman praktikum juga memberi impak besar dalam meningkatkan kecekapan komunikasi dan hubungan interpersonal guru pelatih. Pengalaman ini memberi peluang kepada guru pelatih untuk membangunkan kemahiran yang lebih baik dalam berinteraksi dengan pelajar, guru-guru dan rakan sekerja. Di samping itu, kecekapan seperti ini

mendorong guru pelatih untuk menjadi lebih peka terhadap cara berkomunikasi, memahami keperluan pelajar serta menguruskan hubungan profesional di tempat kerja. Sebagai contoh, yang dijelaskan oleh peserta-peserta kajian tersebut:

"Sebab tu sangat penting untuk kita sembang dengan cikgu-cikgu, tanya khabar, sembang *pasal* famili. Sebab kadang cikgu-cikgu ni ada yang suka bercerita juga. Ada yang suka luah perasaan juga." (PK6).

Ini menunjukkan bahawa kecekapan dalam hubungan interpersonal ini amat penting kerana ia membolehkan guru pelatih membina hubungan yang lebih baik dengan pelajar dan rakan sekerja, seterusnya menyumbang kepada suasana sekolah yang harmoni dan produktif. Hubungan yang positif juga membantu guru melaksanakan tugas dengan lebih mudah dan meningkatkan kolaborasi dalam kalangan tenaga pendidik. Selain itu, kemahiran komunikasi yang baik merupakan asas dalam membina hubungan yang efektif antara guru dengan entiti-entiti di sekolah. Komunikasi yang jelas dan berkesan membantu guru menyampaikan ilmu dengan lebih mudah difahami oleh pelajar. Ia juga berperanan dalam meningkatkan kepercayaan dan kerjasama dalam kalangan rakan sekerja dan pentadbir serta membantu dalam memahami murid secara mendalam, seperti yang dijelaskan berikut:

"Seterusnya, kemahiran bersama guru. Perkara paling penting ialah kemahiran berkomunikasi. Dalam organisasi, komunikasi adalah kunci utama. Komunikasi yang lemah boleh menyebabkan kerja bertindan atau dilakukan dua kali. Jadi, komunikasi yang baik sangat penting, bukan hanya dengan rakan guru tetapi juga dengan murid..." (PK2).

"Yang ketiga, kemahiran komunikasi, termasuk kemahiran untuk mendekati guru-guru dan pentadbir. Bagi saya, siapa yang pandai berkomunikasi dengan baik dan tahu cara untuk berinteraksi dengan guru-guru dan pentadbir, mereka akan lebih mudah berjaya. Kerja mereka menjadi lebih mudah, orang akan suka dan membantu mereka." (PK6).

Dengan komunikasi yang berkesan, guru mampu mencipta suasana pembelajaran yang mesra, inklusif, dan motivasi, sekaligus meningkatkan minat pelajar terhadap pembelajaran. Kemahiran ini juga membantu guru berkolaborasi dengan rakan sekerja dan pentadbir dalam mencapai matlamat pendidikan secara holistik.

Di samping itu, pengalaman praktikum juga memberi impak positif terhadap kecekapan pengurusan masa dalam kalangan guru pelatih. Dalam dunia pendidikan, pengurusan masa adalah elemen yang penting yang perlu dikuasai oleh semua guru. Pengalaman praktikum telah menyediakan ruang untuk guru pelatih mempelajari cara memanfaatkan masa yang terhad dengan bijak bagi memastikan pengajaran disampaikan berkesan dalam tempoh yang telah ditetapkan seperti yang dinyatakan oleh peserta-peserta kajian berikut:

"Saya juga belajar untuk menguruskan masa dengan lebih baik, terutama dalam memastikan pengajaran saya dapat disampaikan dengan berkesan dalam tempoh masa yang terhad." (PK7).

"Kedua, kemahiran kawalan masa. Dalam tempoh 45 minit atau sejam waktu mengajar, kita perlu pandai membahagikan masa. Apa yang perlu dibuat dalam 10 minit pertama? Induksi? Penerangan? Permainan? Semua itu perlu dirancang dan disesuaikan dengan tempoh pengajaran." (PK2).

Kecekapan dalam pengurusan masa membolehkan guru pelatih merancang dan melaksanakan aktiviti PdP dengan lebih efektif. Ini bukan sahaja memastikan setiap komponen pengajaran dijalankan mengikut perancangan, tetapi juga membantu guru mencapai objektif pengajaran dengan lebih efisien dan mengelakkan pembaziran masa mengajar. Dengan kecekapan pengurusan masa yang baik, guru dapat mengoptimumkan masa yang ada untuk memberikan pengalaman pembelajaran yang berkualiti dan bermakna kepada murid.

Seterusnya, pengalaman praktikum juga membantu dalam meningkatkan kecekapan teknologi dalam kalangan guru pelatih. Dalam era pendidikan moden, penggunaan teknologi merupakan elemen yang penting untuk menyokong proses PdP. Melalui pengalaman praktikum, guru pelatih berpeluang untuk mempelajari dan memanfaatkan teknologi dalam menghasilkan bahan bantu mengajar yang kreatif dan sesuai dengan keperluan pelajar abad ke-21. Ini bukan sahaja meningkatkan kefahaman pelajar, tetapi juga membantu guru pelatih menjadi lebih cekap dalam mengintegrasikan teknologi dalam pengajaran mereka. Hal ini seperti yang dinyatakan dalam pandangan peserta-peserta kajian tersebut:

"Saya buat projek inovasi dan melalui projek tu, saya banyaklah explore berkaitan dengan penggunaan aplikasi Zappark." (PK6).

Ini menunjukkan bahawa praktikum bukan sahaja memperkasa guru pelatih dari aspek teknikal, tetapi juga memberi ruang kepada mereka untuk menguji pendekatan pengajaran berasaskan teknologi. Pengalaman ini memberi nilai tambah kepada kecekapan mereka dalam memenuhi tuntutan pendidikan era digital.

Pengalaman praktikum ini juga memainkan peranan penting dalam membangunkan kecekapan guru pelatih, dalam aspek kecekapan penyelesaian masalah. Penyelesaian masalah merupakan salah satu dimensi penting yang diperoleh oleh guru pelatih melalui pengalaman praktikum. Berdasarkan pandangan responden, pengalaman menghadapi cabaran dalam kelas membantu mereka menjadi lebih yakin dan tenang dalam mengendalikan situasi yang tidak dijangka, sebagaimana yang dijelaskan oleh peserta-peserta kajian:

"Kemahiran ini memberi impak besar kepada saya sekarang, kerana saya lebih yakin dalam mengajar dan dapat menangani pelbagai situasi dalam kelas dengan lebih tenang dan berkesan..." (PK7)

Pengalaman ini bukan sahaja memupuk keyakinan diri tetapi juga membentuk daya tahan, fleksibiliti, dan kesianan yang kukuh dalam kalangan guru pelatih. Kemahiran ini

membantu mereka untuk lebih bersedia dalam menghadapi pelbagai cabaran dan situasi kompleks yang sering timbul dalam dunia pendidikan sebenar.

Akhir sekali, pengalaman praktikum ini memberi pendedahan kepada guru pelatih dalam meningkatkan kecekapan penilaian dan refleksi sendiri dalam kalangan guru pelatih. Guru pelatih menyatakan bahawa pengalaman praktikum memberi mereka peluang untuk terlibat secara langsung dalam pengajaran, sekaligus mengenal pasti dan memperbaiki kelemahan diri, seperti yang dinyatakan oleh salah seorang peserta kajian:

“Pengalaman praktikum memberi saya peluang untuk melibatkan diri dalam pengajaran secara langsung dan memperbaiki kelemahan saya” (PK9).

Kecekapan ini bukan sahaja membantu guru pelatih meningkatkan mutu pengajaran mereka, tetapi juga memberi ruang untuk membina keyakinan dalam membuat keputusan berdasarkan situasi sebenar di bilik darjah. Selain itu, keupayaan untuk menilai keberkesanan strategi pengajaran yang digunakan, diikuti dengan tindakan susulan, mencerminkan perkembangan kecekapan profesional mereka sebagai seorang guru.

Sebagai kesimpulan, pengalaman praktikum merupakan platform yang sangat penting bagi guru pelatih dalam membangunkan pelbagai kecekapan yang diperlukan untuk menjadi pendidik yang berkesan. Melalui pengalaman praktikum ini juga, guru pelatih bukan sahaja memperoleh ilmu dan kemahiran, tetapi juga keyakinan dan daya tahan yang diperlukan untuk berjaya dalam kerjaya perguruan. Kejayaan ini bukan sahaja memberi impak kepada perkembangan individu guru tetapi juga kepada keberkesanan sistem pendidikan secara keseluruhan.

KESIMPULAN DAN CADANGAN

Latihan praktikum memainkan peranan penting dalam membentuk kecekapan mengajar, kemahiran pedagogi dan identiti profesional guru novis. Walaupun mereka berhadapan dengan pelbagai cabaran semasa latihan praktikum, sokongan yang diterima daripada guru pembimbing, rakan sekerja, warga sekolah serta sumber luar seperti pensyarah dan keluarga telah membantu mereka menangani cabaran dan tekanan yang dihadapi, sekaligus meningkatkan prestasi mereka. Pengalaman ini mengasah pelbagai kemahiran penting, termasuk komunikasi, pengurusan masa, pengendalian teknologi dan pengawalan emosi yang merupakan asas kepada pembentukan guru yang profesional dan berketerampilan.

Oleh itu, program latihan perguruan perlu menekankan aspek pembangunan kemahiran holistik melalui modul praktikal yang lebih berstruktur, termasuk latihan dalam pengurusan kelas, penggunaan teknologi pendidikan dan strategi pengajaran yang interaktif. Selain itu, peranan bimbingan yang efektif dan persekitaran sekolah yang kondusif juga perlu diperkukuhkan bagi memastikan guru novis bersedia menghadapi realiti dunia pendidikan. Sebagai langkah untuk pembangunan profesionalisme keguruan yang berterusan, kerjasama antara institusi latihan, sekolah dan komuniti harus dijalin bagi menyokong mereka menjadi pendidik yang cekap, inovatif dan mampu memberi impak positif kepada pelajar serta sistem pendidikan secara keseluruhan.

Oleh yang demikian, penyelidik mencadangkan kajian masa depan diteruskan dengan pendekatan *longitudinal* bagi menilai impak jangka panjang program praktikum terhadap kecekapan guru, terutamanya dalam konteks yang pelbagai dan spesifik seperti pengalaman guru novis di kawasan pedalaman atau sekolah berprestasi rendah. Selain itu, kajian masa depan juga boleh memberi fokus kepada penggunaan teknologi inovatif dalam bimbingan dan sokongan semasa latihan praktikum, serta menilai keberkesanan sokongan pasca latihan praktikum dalam membantu guru novis menghadapi tahun pertama mereka sebagai pendidik. Pendekatan ini diharapkan dapat memperkayakan pemahaman tentang cabaran dan peluang dalam latihan perguruan serta menyumbang kepada penambahbaikan sistem latihan perguruan secara menyeluruh.

RUJUKAN

- Ahmed, Y., & Din, M. (2024). An analysis of classroom management challenges to the novice elementary school teachers in Islamabad, Pakistan. *Journal of Humanities, Social and Management Sciences (JHSMS)*, 5(2), 37-56.
- Ameen, R. M., Zahir, H. O., Majid, K. B., & Salam, B. H. (2024). Challenges Faced by Novice English Language Teachers in Raparin Territory During Their Initial Years of Teaching. *Journal of Ecohumanism*, 3(4), 943-952.
- Dutta, S., Islam, M. R., Akhter, S., Ahmed, S. I., Houssain, M. A., Sowad, A. B. M., & Sultan, S. (2014). Teachers' emotional intelligence, social support and job satisfaction. *Journal of Education and Practice*, 5(22), 159-167.
- Hagan, M. (2021). Learning in the Practicum: Shaping Professional Identity in Initial Teacher Education. *Kwartalnik Pedagogiczny*, 262(4), 11-32.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2021). Panduan pelaksanaan Program Pembangunan Guru Baharu 2.0.
- Krepkaia, T., Karpovich, I., Voronova, L., & Ivanova, T. (2020). Novice university teachers: comparison of young professionals with and without pedagogical education. *Humanities and social sciences*, 8(4), 952-960.
- Lynch, M., & Cicchetti, D. (2022). An ecological-transactional analysis of children and contexts: The longitudinal interplay among child maltreatment, community violence, and children's symptomatology. *Development and Psychopathology*, 14(4), 761-786.
- Marjonet, J., Abu Bakar Ah, S. H., & Omar, N. (2020). Pementoran dalam program pembangunan guru baharu Kementerian Pendidikan Malaysia. *Malaysian Journal of Social Administration*, 14(1), 85-98.
- Mbhele, T. (2024). Novice teachers' challenges and strategies in coping with COVID-19 at a rural school. *International Journal of Studies in Inclusive Education*, 1(1), 7-17.
- Melekhina, E. A., & Ivleva, M. A. (2020). Novice teachers entering the profession: Problems and needs analysis. *Proceedings of the Conference "Integrating Engineering Education and Humanities for Global Intercultural Perspectives"* (pp. 745-750). Springer International Publishing.
- Omar, N., & Ahmad, J. (2020). Keberkesanan Bimbingan Pembangunan Profesionalisme Guru Baharu Dalam Program Pementoran. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 2(3), 45-56.

- Pozo-Rico, T., Sandoval, I., Gilar-Corbí, R., & Castejón, J. L. (2023). Emotional intelligence and teachers' academic performance: A meta-analysis. *Educational Psychology Review*, 35, 123-145.
- Pristiarawati, E., & Suyatno, S. (2021). Emotional intelligence and teacher resilience: A systematic review. *Journal of Educational Research and Evaluation*, 5(3), 234-241.
- Raikou, N. (2014). Preparing critical teachers in University: The role of practicum in teachers' education. *Journal of Social Science Research*, 4(2), 485-488.
- Setlhako, M. A. (2019). Novice Teachers Experiences on the Development of Professional Identities During Practicum. *e-BANGI Journal*, 16(9), 102-114.